



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**18 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

#### **Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Dalam usaha untuk memastikan sektor perkilangan dan perniagaan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh, kerajaan telah melaksanakan operasi pemantauan dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak didapati melanggar SOP yang telah diwartakan.

Sejak 1 Jun sehingga 17 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan pemeriksaan ke atas 496 buah kilang dan daripada jumlah itu, sebanyak 106 buah kilang telah diarahkan tutup.

Secara kumulatifnya, sebanyak 24,928 kilang dan premis perniagaan telah diperiksa sejak 14 Januari 2021 yang melibatkan 22,819 premis perniagaan dan 2,109 kilang. Sehingga kini, 160 kilang dan 17 premis bukan kilang telah diarahkan tutup.

## **Statistik Jumlah Aduan Ketidakpatuhan SOP Mengikut Kategori**

Sejak 6 Jun sehingga 18 Jun 2021, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menerima sebanyak 382 aduan mengikut kategori yang memerlukan tindakan penguatkuasaan daripada pelbagai Kementerian/agensi.

Daripada jumlah itu, jumlah aduan tertinggi yang direkodkan adalah melibatkan pelanggaran arahan had peratusan kehadiran pekerja ke premis pekerjaan iaitu sebanyak 98 aduan, non-essential 77 aduan, dan 60 aduan bagi kategori ketidakpatuhan SOP AM.

Sebarang aduan boleh disalurkan terus kepada Malaysian Government Call Centre (MyGCC) menerusi talian 03-80008000, 80008000@mygcc.gov.my atau emel ke aduan.pematuhan.mkn.gov.my

### **PKPD Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.

Sejak 13 Jun sehingga 16 Jun 2021, KKM mendapati berlaku peningkatan apabila lapan (8) kes telah dikesan dengan kadar kebolehhajngkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 20 Jun sehingga 3 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi membolehkan KKM menjalankan saringan komuniti, mengesan dan mengasingkan kes baru serta melakukan pengesanan kontak dengan berkesan.

### **PKPD Taman Sri Purnama, Mukim Padang Pak Amat, Pasir Puteh, Kelantan**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Sri Purnama, Mukim Padang Pak Amat, Pasir Puteh, Kelantan.

Sehingga kini, seramai 90 orang penduduk telah disaring dan 16 orang daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 17.8%.

KKM juga mendapati penularan kes berlaku dengan pantas dalam tempoh seminggu dan kadar kebolehhajngkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Sri Purnama, Mukim Padang Pak Amat, Pasir Puteh, Kelantan berkuat kuasa 20 Jun sehingga 3 Julai Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD PPRT Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah.

Sehingga kini, sembilan (9) kes positif COVID-19 telah dikesan dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPRT Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah berkuat kuasa 20 Jun sehingga 3 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

### **Pelanjutan PKPD Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 346 ujian saringan dan 141 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati penularan masih berlaku, terdapat juga kes baharu direkodkan dalam kalangan komuniti dan masih banyak sampel ujian saringan belum mendapat keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah bermula 20 Jun sehingga 3 Julai 2021.

### **Pelanjutan PKPD Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 107 ujian saringan dan 26 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati penularan masih berlaku, terdapat juga kes baharu direkodkan dalam kalangan komuniti dan masih banyak sampel ujian saringan belum mendapat keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah bermula 20 Jun sehingga 3 Julai 2021.

## **Penamatan PKPD Taman Wawasan, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wawasan, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 133 ujian saringan dan 21 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Wawasan, Tawau, Sabah pada 18 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD 2 lokaliti di Papar, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Kampung Tengah Kinarut
- Kampung Benoni

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 124 ujian saringan di Kampung Benoni dan 17 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 manakala di Kampung Tengah Kinarut, sebanyak 16 kes positif direkodkan hasil daripada 35 saringan di lokaliti ini.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 19 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD 3 perkampungan dalam Mukim Ulu Kinta, Kinta, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) perkampungan dalam Mukim Ulu Kinta, Kinta, Perak yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Ketiga-tiga perkampungan tersebut ialah:

- Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2
- Kampung Jelapang Baru
- Kampung Sungai Tapah

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 523 ujian saringan dan lima (5) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga perkampungan seperti dinyatakan pada 19 Jun (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD 4 perkampungan dalam Mukim Pengkalan Hulu dan Mukim Kerunai, Hulu Perak, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat (4) perkampungan dalam Mukim Pengkalan Hulu dan Mukim Kerunai, Hulu Perak, Perak yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Perkampungan terbabit ialah:

- Kampung Air Panas, Mukim Pengkalan Hulu
- Kampung Kuak Luar, Mukim Pengkalan Hulu
- Kampung Alai, Mukim Kerunai
- Kampung Baharu, Mukim Kerunai

Sehingga kini, KKM telah melakukan 502 ujian saringan di Kampung Air Panas dan Kampung Kuak Luar dan tujuh (7) daripadanya disahkan positif COVID-19. Manakala di Kampung Alai dan Kampung Baharu, sebanyak satu (1) kes direkodkan hasil daripada keseluruhan 160 ujian saringan dilakukan di lokaliti ini.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di empat perkampungan di Mukim Pengkalan Hulu dan Mukim Kerunai, Hulu Perak, Perak pada 19 Jun (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.



## **Penamatan PKPD Taman Kerian Tambahan, Kerian, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Kerian Tambahan, Kerian, Perak yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 1,511 ujian saringan dan tujuh (7) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Kerian Tambahan, Kerian, Perak pada 19 Jun (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Taman Berkat, Mukim Matang, LMS, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Berkat, Mukim Matang, Larut-Matang-Selama (LMS), Perak yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 503 ujian saringan dan enam (6) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Berkat, Mukim Matang, LMS, Perak pada 19 Jun (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 425 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat tren penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah pada 19 Jun 2021 seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan Awal PKPD Felda Redong 1, Mukim Labis, Segamat, Johor**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Redong 1, Mukim Labis, Segamat, Johor yang dijadualkan tamat pada 23 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 2,732 ujian saringan dan 209 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Felda Redong 1, Mukim Labis, Segamat, Johor pada 18 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Penamatan Awal PKPD Jalan Budi Sri Tanjung, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Budi Sri Tanjung, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 36 ujian saringan dan 10 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Jalan Budi Sri Tanjung, Tawau, Sabah pada 19 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Penamatan Awal PKPD Taman Pelangi, Semporna, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Pelangi, Semporna, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 71 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Pelangi, Semporna, Sabah pada 18 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 101,692 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,184 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,716 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 759 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 711 individu dikompaun manakala 48 lagi individu direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (140)
- Tiada penjarakan fizikal (136)
- Tidak memakai pelitup muka (135)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (123)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (94)
- Membawa penumpang berlebihan (55)
- Premis gagal patuhi arahan (14)
- Lain-lain (62)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 37 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas sembilan (9) buah kenderaan darat serta dua (2) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 212 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 11 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 957 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 903 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 133 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 62 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (4).

Operasi sanitasi ini melibatkan 681 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 195 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 176 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,133 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 591 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 228,496 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 9 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,551 individu telah dikuarantin dan 218,196 orang dibenarkan pulang manakala 2,749 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 681 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (500), pemborong (149) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,613 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,588 premis mematuhi SOP, 25 dikompaun manakala satu (1) lagi premis diberi nasihat.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome**

**#AmalkanKawalanKendiri**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**